

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T1/25/P/JPPF-KI/49-F4 : **CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN – DEWAN KULIAH, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG – FASA 4.**

Kelayakan : i) Gred : **G3**
ii) Kategori : **ME**
iii) Pengkhususan : **M01**

Tarikh & Tempat Masa Pendaftaran Taklimat : **14 Mac 2025 (Jumaat), Jam 10.15 – 11.00 Pagi.**
: **10.00 – 10.15 Pagi.**
Bilik Mesyuarat Aras 1, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti, Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat / lawatan tapak** dan **membawa cap syarikat** untuk sesi pendaftaran. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat / lawatan tapak, menurunkan cap syarikat & menandatangani borang kehadiran taklimat / lawatan tapak.
ii) Hanya **penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak tender.**
iii) Syarikat **tidak boleh mewakili pegawai lain** selain daripada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

Tarikh Tutup Tender : **10 April 2025 (Khamis), Jam 12.00 Tengah hari**

Tarikh Dokumen Dijual : **14 Mac 2025 hingga 28 Mac 2025.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/P/JPPF-KI/49-F4>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan salinan secara atas talian dokumen seperti berikut:
i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).

- Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**
- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**